

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

NAMA KURSUS	:	HUBUNGAN ETNIK
KOD KURSUS	:	NCC2001
TARIKH	:	23 JUN 2019 (AHAD)
TEMPAT	:	DEWAN SULTAN MIZAN
MASA	:	3.00 – 5.00 PETANG (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
PROGRAMME	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab semua soalan.
- ii. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam kertas OMR yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT BERCETAK

Sila pilih jawapan yang paling tepat.

1. Pernyataan berikut adalah benar mengenai konsep ras, **kecuali**
 - A. kumpulan manusia yang berkongsi ciri biologi
 - B. ciri fizikal meliputi bentuk kepala, hidung dan mata
 - C. warna kulit dan rambut yang sama ditentukan oleh baka
 - D. ciri tersebut tidak boleh diwarisi daripada generasi ke generasi
2. Etnik dikelaskan melalui persamaan dan perbezaan
 - A. sikap
 - B. fizikal
 - C. agama
 - D. budaya
3. Pilih pernyataan yang **tepat** tentang masyarakat.
 - A. Individu dan keluarga yang hidup dalam satu kumpulan
 - B. Suatu cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan
 - C. Kumpulan manusia yang hidup bersama dengan cara tertentu
 - D. Sekelompok manusia yang menggunakan aturan yang seragam
4. Berikut merupakan ciri-ciri sebuah masyarakat:
 - i. Memiliki cara hidup
 - ii. Bersifat statik dan rigid
 - iii. Wujud stratifikasi sosial
 - iv. Mempunyai kepimpinan
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
5. Pernyataan berikut adalah benar mengenai budaya:
 - i. Meliputi tingkah laku sahaja
 - ii. Melibatkan interaksi dua generasi
 - iii. Diperturun melalui proses pembelajaran
 - iv. Menjadi asas pembinaan sesebuah tamadun besar
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

6. Pilih pasangan yang **tepat**.

	Kebudayaan <i>artifact</i>	Kebudayaan <i>mentifact</i>
A.	Makanan	Norma
B.	Rumah	Pakaian
C.	Pantang larang	Tarian
D.	Senjata	Teks Sastra

7. Pernyataan berikut adalah benar mengenai prasangka, **kecuali**

- i. berbentuk *prejudgement*
- ii. diluahkan secara terbuka
- iii. melibatkan pandangan negatif sahaja
- iv. wujud kerana perbezaan ras, jantina mahupun kelas

- A. i dan iv
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iv
- D. i, iii dan iv

8. Gambaran berlebih-lebihan tentang sesuatu kumpulan etnik seperti "semua orang Arab itu kasar" atau "orang Belanda itu bersifat kedekut" merujuk kepada

- A. prejudis
- B. rasisme
- C. stereotaip
- D. etnosentrisme

Johnson berbangsa Irish berasa bangga dengan budayanya yang jauh lebih baik dan hebat serta tinggi nilainya dari budaya masyarakat Melayu.

9. Pernyataan di atas merujuk kepada istilah

- A. rasisme
- B. prasangka
- C. diskriminasi
- D. etnosentrisme

- Serangan fizikal secara terbuka
- Percubaan penghapusan sesebuah kumpulan etnik (*ethnic cleansing*)

10. Perbuatan di atas merupakan contoh kepada

- A. Konflik
- B. rasisme
- C. prejudis
- D. diskriminasi

11. Pernyataan berikut adalah benar, **kecuali**
- prasangka boleh wujud tanpa diskriminasi
 - diskriminasi tidak boleh wujud tanpa prasangka
 - diskriminasi boleh menjadi salah satu sebab wujudnya prasangka
 - prasangka dan diskriminasi lazimnya menguatkan antara satu sama lain

Kewujudan tingkat kesepaduan sosial yang tinggi menyebabkan anggota kelompok yang berkenaan mempunyai perasaan kekitaan (*esprit de corps*) di antara satu dengan lain.

12. Pernyataan di atas merujuk kepada konsep
- integrasi
 - perpaduan
 - kesepaduan sosial
 - masyarakat majmuk
13. Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan dalam konteks negara Malaysia?
- Integrasi masyarakat dalam pembangunan ekonomi berasaskan teknologi moden
 - Pembentukan satu parti politik bagi mewakili semua kaum bagi menjamin kestabilan politik
 - Penyusunan semula masyarakat berdasarkan strategi pembangunan dan pentadbiran negara
 - Penyatuan masyarakat pelbagai etnik ke arah membentuk satu identiti negara dan nilai bersama

Amalgamasi	Segregasi	Akulturasasi	Akomodasi	Asimilasi
i	ii	iii	iv	v

14. Susun tahap hubungan etnik di atas mengikut hierarki daripada tahap paling rendah ke tahap paling tinggi.
- i, v, iii, iv, ii
 - iii, iv, ii, v, i
 - ii, iv, iii, v, i
 - v, iii, i, iv, ii
15. Akulturasasi melibatkan proses meminjam atau menerima budaya berbentuk _____ golongan majoriti.
- norma
 - artifact*
 - popular
 - bukan kebendaan

16. Berikut adalah benar mengenai segregasi, **kecuali**
- A. pengasingan di antara kumpulan sosial
 - B. berlaku atas dasar ras, agama mahupun kebudayaan
 - C. segregasi rela berlaku bertujuan menentang integrasi
 - D. segregasi tidak rela dilakukan kerana paksaan dari pihak-pihak tertentu
17. Antara contoh berikut, yang manakah melambangkan proses amalgamasi?
- A. Orang Asli
 - B. Masyarakat Chitti
 - C. Etnik Melayu Jawa
 - D. Kaum Iban Sarawak

Satu keadaan apabila kelompok-kelompok yang berkonflik bersetuju untuk menghentikan konflik dengan mengadakan interaksi secara aman damai untuk sementara atau selama-lamanya.

18. Proses di atas diwakili oleh formula
- A. $A + B + C = A$
 - B. $A + B + C = D$
 - C. $A + B + C = A B C$
 - D. $A + B + C = A + B + C$
19. Kejayaan asimilasi bergantung kepada faktor berikut, **kecuali**
- A. majoriti menerima minoriti
 - B. persamaan amalan budaya
 - C. jumlah minoriti yang dominan
 - D. minoriti kehilangan identiti asal
20. Pernyataan berikut adalah benar, **kecuali**
- A. asimilasi menghasilkan bangsa yang baru
 - B. akulturasi melibatkan proses meminjam dan menerima
 - C. akomodasi menitikberatkan proses kerjasama dan tolak ansur
 - D. amalgamasi terjadi hasil perkahwinan campur antara kumpulan etnik

- Perkahwinan campur antara lelaki dari selatan India dengan wanita Melayu
- Bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan utama

21. Maklumat di atas merujuk kepada masyarakat
- A. Chitti
 - B. Punjabi
 - C. India-Muslim
 - D. Peranakan Jawi

22. Zaman Kesultanan Melayu Melaka dianggap zaman pluraliti kerana
- A. penghijrahan berlaku tanpa ada paksaan
 - B. penambahan kemasukan pedagang asing
 - C. permulaan kepada pengenalan zaman negara bangsa
 - D. kemasukan orang Cina dan India secara besar-besaran
23. Pembentukan pluraliti dalam masyarakat tempatan berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui proses berikut, **kecuali**
- A. Perkahwinan
 - B. Perdagangan
 - C. penyebaran agama
 - D. penaklukan wilayah
24. Mengapakah kehidupan masyarakat pluraliti pada zaman Kesultanan Melayu Melaka digambarkan begitu harmonis?
- A. Kedatangan pelbagai etnik secara alamiah
 - B. Etnik Melayu sahaja yang terlibat dalam pentadbiran
 - C. Desakan penjajah supaya etnik tidak membuat huru-hara
 - D. Belum berlaku lagi perkahwinan campur dalam masyarakat
25. Bila berlakunya pemisahan antara pluraliti dengan masyarakat pluralistik di Malaysia?
- A. Penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu
 - B. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka
 - C. Era Hinduisme dan Buddhisme di Alam Melayu
 - D. Akomodasi pedagang luar dan orang tempatan

Tujuan kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu antaranya untuk memperkenalkan sistem sosial, politik dan agama mereka kepada masyarakat Tanah Melayu.

26. Pernyataan di atas merujuk kepada konsep
- A. pluralisme
 - B. kolonialisme
 - C. imperialisme
 - D. nasionalisme

27. Berikut merupakan kesan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu pada awal abad ke-20:
- Pembukaan bandar baru
 - Pertambahan buruh asing
 - Pengenalan pendidikan vernakular
 - Peningkatan taraf hidup penduduk tempatan
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
28. Pernyataan yang manakah merujuk kepada pembentukan pola masyarakat pluralistik selepas kedatangan orang British ke Tanah Melayu?
- A. Kewujudan proses modenisasi
B. Pemisahan antara agama dengan negara
C. Penghijrahan masuk orang Cina dan India
D. Kemasukan perdagangan Eropah secara sukarela
29. Berikut merupakan ciri-ciri masyarakat plural, **kecuali**
- A. Konflik
B. Paksaan
C. Interaksi
D. perbezaan
30. Masyarakat pluralistik gagal berasimilasi dengan masyarakat tempatan sewaktu era penjajahan Inggeris atas faktor-faktor berikut:
- Imigran berhasrat untuk kembali ke negara asal
 - Imigran kurang berinteraksi dengan masyarakat tempatan
 - Kemasukan imigran ke Tanah Melayu disertai ahli keluarga
 - Kedatangan imigran demi kepentingan ekonomi dan politik Inggeris
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
31. Berikut adalah benar mengenai pluraliti baharu, **kecuali**
- A. bahasa Tamil menjadi bahasa perhubungan utama masyarakat Peranakan Jawi
B. masyarakat Baba dan Nyonya mengekalkan tradisi kaum Cina dari segi upacara perkahwinan
C. masyarakat Serani menganut agama Kristian bermazhab Katolik Roman dan ada juga yang beragama Islam
D. perkahwinan campur antara orang berketurunan India dengan masyarakat tempatan membentuk masyarakat India-Muslim

32. Masalah perpaduan di Malaysia tercetus atas beberapa faktor berikut:
- i. Pemisahan fizikal
 - ii. Politik perkauman
 - iii. Perbezaan sosioekonomi
 - iv. Sistem kerajaan demokrasi
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
33. Apakah nilai yang **paling utama** dapat memupuk keharmonian hidup di Malaysia yang mempunyai nilai budaya sejagat berasaskan kumpulan etnik?
- A. Hak asasi manusia
B. Perkongsian kuasa
C. Toleransi yang tinggi
D. Kebebasan berbudaya
34. Pernyataan berikut menggambarkan kepentingan hubungan etnik kepada pembangunan negara, **kecuali**
- A. mewujudkan kestabilan
B. melahirkan warganegara yang bersatu padu
C. menjadikan Malaysia negara aman tanpa dadah
D. menyalurkan seluruh tenaga kepada pembangunan
35. Antara pernyataan berikut, yang manakah bertepatan dengan program 1Malaysia, sebagai satu dasar kerajaan bagi merapatkan perpaduan antara kaum di Malaysia?
- i. Menjaga sensitiviti dan adat budaya antara kaum
 - ii. Mengamalkan sikap budi bahasa dalam masyarakat
 - iii. Memperkasakan kaum sendiri dengan peluang yang ada
 - iv. Mementingkan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv

Pengenalan Kaum Mengikut Kegiatan Ekonomi		
Kaum	Kawasan	Kegiatan Ekonomi
Melayu	Luar bandar	Petani dan nelayan
Cina	Lombong	Pelombong dan peniaga
India	Ladang getah	Pekerja ladang

36. Maklumat di atas menunjukkan kerajaan British di Tanah Melayu mengamalkan pemerintahan bercorak
- Sosialis
 - demokrasi
 - kapitalisme
 - pecah dan perintah
37. Dasar Pecah dan Perintah yang diperkenalkan British bertujuan
- meningkatkan hasil pertanian
 - mewujudkan interaksi yang baik antara kaum
 - menyekat sebarang bentuk kebangkitan politik
 - memastikan pentadbiran Tanah Melayu diurus dengan cekap
38. Penerusan dasar ekonomi bebas penjajah telah mewujudkan isu-isu berikut dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik pada awal kemerdekaan:
- Kemiskinan
 - Keagamaan
 - Hak milik kekayaan
 - Guna tenaga dan pekerjaan
- i dan iii
 - iii dan iv
 - i, ii dan iii
 - i, iii dan iv
39. Apakah sasaran **utama** pembangunan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)?
- Mewujudkan sebuah masyarakat berorientasikan pertanian moden
 - Memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi berteraskan ilmu pengetahuan
 - Meningkatkan prasarana ekonomi, pembangunan pertanian dan industri gantian eksport
 - Melakukan peralihan daripada industri gantian import kepada industri berorientasikan eksport
40. Perlembagaan diperkenalkan dengan matlamat-matlamat berikut, **kecuali**
- mengawal pemerintah dan yang diperintah
 - mewujudkan satu mekanisme keadilan sosial
 - melindungi kepentingan dan kesejahteraan rakyat
 - menjamin kebebasan mutlak atas prinsip demokrasi

41. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai tolak ansur antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu ketika penggabalan Perlembagaan Persekutuan 1957.
- A. Orang bukan Melayu bersetuju dengan keistimewaan bahasa Melayu dengan syarat bahasa Mandarin dijadikan bahasa kedua
 - B. Orang bukan Melayu bersetuju untuk bertolak ansur dengan orang Melayu dalam perkara yang menyentuh adat dan agama sahaja
 - C. Orang bukan Melayu bersetuju dengan hak keistimewaan orang Melayu dan orang Melayu bersetuju dengan hak keistimewaan bukan Melayu.
 - D. Orang bukan Melayu bersetuju dengan hak keistimewaan orang Melayu dan orang Melayu bersetuju memberi taraf kerakyatan melalui prinsip *jus soli*.
42. Manakah antara berikut **bukan** unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia?
- A. Hak istimewa orang Melayu
 - B. Islam ialah agama Persekutuan
 - C. Pemerintahan secara demokrasi
 - D. Kedudukan dan kedaulatan raja-raja Melayu
43. Konsep ketertinggian perlembagaan di Malaysia merujuk kepada
- A. kuasa badan perundangan dalam membuat undang-undang
 - B. kedudukan perlembagaan mengatasi semua badan pemerintah
 - C. pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri
 - D. Yang di-Pertuan Agong mempunyai keutamaan mengatasi semua orang di Malaysia
44. Pilih pernyataan yang **benar**.
- i. Parlimen boleh membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang berada di luar bidang kuasanya.
 - ii. Kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara hendaklah dijalankan mengikut peruntukan perlembagaan.
 - iii. Undang-undang negeri mengenai sesuatu perkara boleh diisytiharkan sebagai tidak sah jika bercanggah dengan perlembagaan.
 - iv. Kuasa kehakiman mahkamah adalah bebas dan tidak tertakluk kepada kehendak perlembagaan.
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iv

45. Pernyataan berikut merujuk kepada konsep raja berperlembagaan:
- Yang di-Pertuan Agong dilindungi Perlembagaan
 - Yang di-Pertuan Agong mengatasi Perlembagaan
 - Yang di-Pertuan Agong merupakan kuasa tertinggi negara
 - Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
46. Perkara berikut boleh dirumuskan berkenaan dengan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, **kecuali**
- Malaysia sebagai sebuah negara Islam
 - kebebasan beragama bagi penganut agama lain
 - agama Islam berada di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan
 - setiap agama boleh memiliki harta benda dan mentadbirnya mengikut undang-undang
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
47. Apakah rasional peruntukan Islam menjadi agama Persekutuan?
- Tuntutan daripada raja-raja Melayu
 - Islam telah bertapak lebih 600 tahun
 - Islam sesuai dengan takrif Melayu yang majoriti beragama Islam
 - Kedudukan agama Islam langsung tidak diganggu pada zaman British
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
48. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada
- A. hak istimewa orang Melayu
B. Islam sebagai agama Persekutuan
C. bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
D. pemerolehan kewarganegaraan secara jus soli

49. Peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan meliputi perkara-perkara berikut, **kecuali**
- A. tanah rizab Melayu
 - B. permit dan lesen perniagaan
 - C. jawatan sebagai ahli Parlimen
 - D. biasiswa dan bantuan pelajaran
50. Pindaan terhadap Perkara 153 Perlembagaan Malaysia hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong dan disokong oleh
- A. Majlis Raja-Raja
 - B. Perdana Menteri
 - C. 2/3 ahli Dewan Rakyat
 - D. Mahkamah Persekutuan
51. Antara keistimewaan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada mereka yang menjadi warganegara adalah
- i. memiliki harta yang sah secara peribadi
 - ii. memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
 - iii. menikmati kemudahan pendidikan yang ditawarkan
 - iv. mempunyai kebebasan untuk bersuara secara mutlak
- A. i dan iv
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. ii, iii dan iv
52. Pernyataan berikut benar berkaitan sistem politik moden, **kecuali**
- A. sultan berkuasa dalam pelbagai aspek
 - B. melibatkan pemisahan dan pembahagian kuasa
 - C. penglibatan rakyat tempatan dalam sistem politik
 - D. pengenalan kepada sistem perundangan dan jabatan pentadbiran
53. Apakah unsur utama yang menjadi asas kemunculan parti politik di Malaysia?
- A. Menonjolkan kehebatan kumpulan masing-masing
 - B. Merupakan kesan daripada liberalisasi politik pada peringkat global
 - C. Memperjuangkan hak dan layanan sama rata untuk semua kaum atas konsep demokrasi
 - D. Menunjukkan semangat nasionalisme untuk memelihara kepentingan masing-masing

54. Penglibatan rakyat tempatan terutama orang Melayu ke dalam proses politik secara meluas dapat dilihat dengan jelas apabila pada tahun 1946, pihak British memperkenalkan
- Malayan Union
 - Sistem Residen
 - Perlembagaan Rakyat
 - Dasar Pecah dan Perintah
55. Penjajah British telah memperkenalkan proses politik dan pentadbiran moden di Tanah Melayu di mana kekuasaan raja-raja Melayu telah dibataskan kepada hal-hal yang berkaitan
- agama Islam
 - tanah rizab Melayu
 - adat-istiadat Melayu
 - pemerintahan beraja
- i dan ii
 - i dan iii
 - i, iii dan iv
 - ii, iii dan iv
- Ditubuhkan untuk mewujudkan kerjasama yang lebih baik antara etnik
 - Dianggotai wakil Melayu, Cina, India, Serani, Ceylon dan Eropah
 - Membincangkan isu seperti dasar sama rata antara semua etnik
56. Maklumat di atas merujuk kepada
- Sistem Ahli
 - Suruhanjaya Reid
 - United Malay National Organization* (UMNO)
 - Communities Liason Committee* (CLC)
57. Parti-parti politik berikut merupakan parti politik perkauman, **kecuali**
- Parti Islam se-Malaya (PAS)
 - Malayan Chinese Association* (MCA)
 - Independence Malayan Party* (IMP)
 - United Malay National Organization* (UMNO)
58. Kerjasama antara parti politik yang bersifat perkauman di Tanah Melayu berlaku ketika
- penubuhan Malayan Union
 - pembentukan Sistem Ahli pada 1951
 - Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952
 - pengisytiharan kabinet baru Persekutuan Tanah Melayu 1955

59. Kerjasama etnik yang erat antara UMNO, MCA dan MIC membawa kejayaan besar dalam proses politik awal di Persekutuan Tanah Melayu, buktinya
- A. perjuangan menentang komunis
 - B. penentangan terhadap gagasan Malayan Union
 - C. kemenangan dalam Pilihan Raya Umum tahun 1955
 - D. pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957

60. Usaha mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 telah menjadikan hubungan kaum di Tanah Melayu pada tahap

- A. bersaing
- B. berkonflik
- C. berkompromi
- D. berpecah-belah

- Konsep raja berperlembagaan
- Hak kerakyatan berdasarkan prinsip jus soli
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Agama-agama lain boleh diamalkan tanpa sekatan

61. Unsur-unsur di atas merujuk kepada hal-hal yang berkait dengan

- A. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- B. manifesto Parti Perikatan untuk Pilihan Raya Umum 1955
- C. Tuntutan 20 Perkara bagi Sabah dan Sarawak sebelum menyertai Malaysia pada 1963
- D. pakatan murni antara orang Melayu dan bukan Melayu semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957

Antara perkara-perkara yang ditekankan adalah tolak ansur, kerjasama, kompromi, perundingan, penyesuaian, permuafakatan dan toleransi antara kepelbagaian kumpulan etnik.

62. Pernyataan di atas merujuk kepada teori politik

- A. Pakatan
- B. Asimilasi
- C. Integrasi
- D. akomodasi

63. Berikut merupakan aspek pertentangan nilai antara etnik di Malaysia:

- i. Agama
- ii. Bahasa
- iii. Budaya
- iv. Ekonomi

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

64. Sistem sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh Inggeris memberi kesan berikut kepada masyarakat Melayu:

- i. Memiliki kemahiran asas membaca dan menulis
- ii. Mengekalkan orang Melayu dalam pekerjaan tradisional
- iii. Majoriti masyarakat Melayu kekal di kawasan luar bandar
- iv. Melahirkan golongan usahawan tani dan nelayan berjaya

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

Pelan Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010 bertujuan mewujudkan masyarakat yang saksama melalui peningkatan paras pendapatan dan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta mengurangkan jurang ekonomi antara etnik.

65. Berikut adalah teras-teras utama pelan tersebut, **kecuali**

- A. menaiktaraf kualiti pendidikan
- B. menyediakan prasarana pendidikan
- C. memperluaskan akses kepada pendidikan
- D. meningkatkan peluang pendidikan yang lebih saksama

66. Pernyataan yang manakah **tepat** mengenai inti pati Falsafah Pendidikan Negara?

- i. Usaha pendidikan yang berterusan
- ii. Perkembangan rohani lebih diutamakan
- iii. Berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri
- iv. Kesepaduan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek

- A. i sahaja
- B. i dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, iii dan iv

67. Faktor yang menyebabkan integrasi pelajar dalam sistem pendidikan negara gagal dicapai sepenuhnya adalah kerana
- A. penggunaan bahasa Melayu yang amat terhad
 - B. polarisasi dalam kalangan pelajar yang pelbagai kaum
 - C. pembinaan kurikulum yang tidak berubah sejak merdeka
 - D. pengasingan sistem pendidikan antara pelajar bandar dan luar bandar
68. Berikut merupakan contoh toleransi interetnik di Malaysia dari aspek pendidikan, **kecuali**
- A. mempertahankan sekolah jenis kebangsaan
 - B. kemasukan pelajar ke IPTA berdasarkan sistem meritokrasi
 - C. kemudahan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
 - D. bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan
69. Apakah implikasi terhadap hubungan antara etnik di Malaysia sekiranya Rukun Negara tidak dihayati?
- i. Tidak menghormati institusi beraja
 - ii. Mengabaikan kehidupan beragama
 - iii. Perlembagaan negara tidak akan dipatuhi
 - iv. Mendedahkan negara kepada ancaman luar
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
70. Berikut merupakan halangan dalam mewujudkan perpaduan kaum selepas kemerdekaan, **kecuali**
- A. integrasi budaya
 - B. pemisahan penempatan
 - C. pengasingan pendidikan
 - D. ketidakseimbangan ekonomi
71. Unsur berikut diambil kira dalam usaha mencapai perpaduan kaum di Malaysia:
- i. Menjayakan wawasan yang berbeza
 - ii. Keazaman politik oleh para pemimpin Negara
 - iii. Ajaran Islam menjadi panduan dalam mewujudkan perpaduan
 - iv. Kekukuhan ekonomi yang menjamin kestabilan hidup masyarakat
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

72. Perpaduan kaum mampu dicapai dengan mengambil kira perbezaan agama melalui amalan berikut:
- i. Sikap dan amalan bertolak ansur
 - ii. Menangani isu-isu semasa secara berhemah
 - iii. Mengamalkan hal-hal keagamaan secara bersama
 - iv. Memahami status quo agama majoriti penduduk Malaysia
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
73. Manakah antara berikut strategi kerajaan bagi melahirkan masyarakat bermoral dalam usaha mengimbangi kepesatan pembangunan ekonomi negara?
- i. Merapatkan jurang digital
 - ii. Membangunkan modal insan
 - iii. Mengagihkan kekayaan negara secara adil
 - iv. Melahirkan masyarakat mempunyai minda kelas pertama
- A. i dan iii
B. ii dan iii
C. ii dan iv
D. ii, iii dan iv
74. Amalan berikut sesuai dipraktikkan bagi memastikan kelangsungan sesebuah budaya:
- i. Mempelajari dan berkongsi budaya
 - ii. Memraktikkan amalan budaya secara sedar
 - iii. Memastikan generasi muda mewarisi nilai budaya ibunda
 - iv. Mengekalkan setiap aspek budaya itu agar tidak berubah
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv

75. Berikut merupakan bentuk-bentuk cabaran globalisasi yang mempengaruhi hubungan etnik di Malaysia:
- Pengaruh ideologi
 - Budaya hedonisme
 - Sistem ekonomi bebas
 - Pemisahan penempatan
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
76. Usaha-usaha berikut dilakukan untuk memupuk dan mempertingkatkan perpaduan dan integrasi nasional, **kecuali**
- penekanan terhadap pendidikan sepanjang hayat
 - penambahbaikan sistem perhubungan dan pengangkutan
 - pengimbangan taraf sosioekonomi antara kaum dan wilayah
 - pembentukan kebudayaan nasional tanpa amalan kebudayaan kesukuan
77. Bagaimanakah Islam boleh berperanan dalam mengukuhkan integrasi etnik di Malaysia?
- Mengutamakan keselamatan persekitaran secara individu
 - Menghadkan dialog antara etnik dalam perkara bukan agama
 - Memupuk sifat ukhuwah dan mahabbah dalam kalangan keluarga
 - Menggalakkan amalan kejiwaan dan memupuk semangat setia kawan
78. Dalam sektor pelancongan, promosi Malaysia sebagai destinasi syurga makanan bertemakan *Malaysia Cuisines*, telah menjadi asas kepada penonjolan pelbagai makanan yang merentasi etnik, **kecuali**
- makanan rojak, capati serta tose sangat popular dalam kalangan etnik India
 - umai, ambuyat dan ayam pansuh adalah makanan daripada etnik Sabah dan Sarawak
 - mi sup, dim sum dan kuih pau antara makanan kegemaran etnik Cina turut digemari oleh kumpulan etnik lain di Malaysia
 - nasi lemak sebagai hidangan sarapan dalam kalangan etnik Cina tetapi kini telah menjadi pilihan semua etnik di Malaysia
79. Apakah kesan dan faedah daripada kesanggupan kita menerima kumpulan etnik lain yang berbeza cara hidup, budaya, adat resam dan agama?
- Pengiktirafan kepada perbezaan yang sedia ada
 - Pembuka jalan kepada kerjasama dan kesepakatan
 - Interaksi yang semakin mengecil dan berubah-ubah
 - Konflik berterusan tentang persamaan dan perbezaan

80. Iklan "*1Malaysian-As One We Care*" telah menayangkan interaksi pelbagai etnik dalam suasana yang harmoni tanpa mengira usaha yang terhasil daripada didikan dan asuhan sejak kecil bak kata pepatah
- A. *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*
 - B. *hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih*
 - C. *hendak meluntur buluh, biarlah dari rebungunya*
 - D. *bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat*

Kertas Soalan Tamat